

**SIARAN AKHBAR  
1 OKTOBER 2019**

## **EKUITI PERSENDIRIAN TERUS MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI DI MALAYSIA**

**KUALA LUMPUR, 1 OKTOBER 2019:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) selaku penganjur telah menjayakan *The Malaysian Private Equity Forum 2019* pada hari ini. Ini adalah kali kedua Ekuinas menganjurkan Forum tersebut yang dihadiri hampir 400 peserta yang terdiri daripada profesional dari ekuiti persendirian, pelabur dan pembuat keputusan perniagaan.

Tumpuan forum ini adalah untuk terus menggalakkan ekuiti persendirian (PE) sebagai sebuah kelas aset pelaburan strategik yang menjana pulangan tinggi dan berkongsi ilmu dengan komuniti pelaburan tentang potensi nilai yang dicipta oleh PE dalam syarikat-syarikat portfolio, dan juga mengetengahkan firma-firma PE yang berjaya dan membangunkan ekosistem.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Ekuinas dalam ucapan aluannya berkata, "Forum pada tahun ini diadakan pada masa yang amat sesuai iaitu sempena sambutan ulang tahun Ekuinas ke-10. Sesungguhnya perkembangan ini merupakan pencapaian penting bagi kami kerana kami terus mencatatkan pertumbuhan kukuh seiring perkembangan industri ekuiti persendirian di Malaysia yang semakin teguh dan lebih banyak peserta berminat untuk menceburi pasaran Malaysia."

"Malaysia kini menempa nama dalam dunia PE di rantau ASEAN. Kelas aset ini terus berkembang di dalam negara dan terdapat pelbagai peluang pelaburan terbuka yang menggalakkan pelabur dan peserta lain untuk meningkatkan peruntukan mereka dalam PE sebagai sebahagian daripada strategi mempelbagaikan pelaburan mereka. Kami sememangnya bernasib baik kerana berada di rantau yang mengalami pertumbuhan yang pesat, lantas membuka laluan bagi pasaran kami untuk matang, serta meningkatkan potensi perkembangan, penggabungan dan pemerolehan," tambah Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad.

Forum tersebut menampilkan beberapa penyampai ucapnama termasuk Anthony Scaramucci, Pengasas dan Rakan Kongsi Bersama Skybridge Capital, sebuah firma pelaburan alternatif global dengan aset bernilai USD9.5 bilion di bawah pengurusan pada 30 Jun 2019 dan Xiang-

Dong (X.D.) Yang, Pengarah Urusan dan Pengerusi Carlyle Asia, sebuah firma ekuiti persendirian terkemuka di Asia dengan lebih USD14 bilion aset di bawah pengurusan.

Antara tokoh PE lain yang turut berucap di Forum tersebut termasuk Nicholas Bloy, Pengarah Urusan, Navis Capital Partners; Kok Yew Tang, Pengerusi Pengasas dan Pengarah Urusan, Affinity Equity Partners; Hendrik Susanto, Ketua Pegawai Pelaburan, Traveloka; Brahma Vasudevan, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, Creador; Eugene Lai, Pengarah Urusan dan Rakan Kongsi Bersama, Southern Capital Group; Ganen Sarvananthan, Pengarah Urusan Bersama TPG Capital Asia; Datuk Ben Chan, Pengarah Urusan Serantau, Asia Pacific of Ontario Teachers' Pension Plan, dan banyak lagi.

*The Malaysian Private Equity Forum 2019* disokong oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Malaysian Venture Capital and Private Equity Association (MVCA), bersama dengan Boston Consulting Group (BCG), KPMG, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Navis Capital Partners, Wong & Partners, PwC Malaysia dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

-Tamat-

#### **Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009 dan berusaha membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan pembinaan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah mengusahakan pelaburan dalam lebih 40 syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan. Pada 2018, Ekuinas telah dicalonkan sebagai salah satu daripada 3 Firma Terbaik Asia Tenggara oleh Anugerah Ekuiti Persendirian Antarabangsa (PEI).

#### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Dau Ming Seling**  
Klareco Communications  
M: +6017-888 2808  
E: [DSeling@klarecocomms.com](mailto:DSeling@klarecocomms.com)

**Lok Ru Jun**  
Klareco Communications  
M: +6012-325 6949  
E: [RLok@klarecocomms.com](mailto:RLok@klarecocomms.com)